



**PAYMENT OF BUSINESS ZAKAT USING SALE GOODS: ANALYSIS  
OF NEEDS, POTENTIAL AND CHALLENGES.**

**PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN MENGGUNAKAN BARANG  
JUALAN: ANALISIS KEPERLUAN, POTENSI DAN CABARAN**

AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [zakirullah@fpe.upsi.edu.my](mailto:zakirullah@fpe.upsi.edu.my)

FIDLIZAN MUHAMMAD

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [fidlizan@fpe.upsi.edu.my](mailto:fidlizan@fpe.upsi.edu.my)

MOHD YAHYA MOHD HUSIN

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [yahya@fpe.upsi.edu.my](mailto:yahya@fpe.upsi.edu.my)

FATIMAH SALWA ABD HADI

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my](mailto:fatimahsalwa@fpe.upsi.edu.my)

AZMAN MOHD NOR

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: [azmann@iium.edu.my](mailto:azmann@iium.edu.my)

**A PEER-REVIEWED ARTICLE**

**(RECEIVED – 6<sup>TH</sup> JUNE 2023; REVISED – 27<sup>TH</sup> SEPT. 2023; ACCEPTED – 29<sup>TH</sup> SEPT. 2023)**

**ABSTRACT**

In view of the need to pay zakat on business other than using money especially in the case of companies that have shortage in cash short and excess of unsold merchandises, the study was conducted to obtain information on the debate of scholars on the Shariah rule for payment of zakat with goods, and their potential for application in business zakat payments, in addition to the challenges and constraints in its implementation. The study utilized a comprehensive library study, analyzing the arguments and scholar`s discussion related to the subject, and selecting the preferred opinions. The findings show scholars have different views on the method of payment of zakat on business, either using cash or goods and stocks or can be both. The study also found that there are several issues and challenges in the implementation of zakat payments using business goods, including the existing fatwa on zakat on business that stipulated only cash is accepted as zakat payment, the method of zakat calculations on the goods

whether based on book value or market value, the issue of determining the types of goods that can be accepted as zakat payment and other issues.

**Keywords:** Zakat, *Arud Tijarah, Qimah, Taabudi, Tarjih.*

### ABSTRAK

Memandangkan terdapat keperluan membayar zakat perniagaan menggunakan selain daripada wang terutamanya dalam kes syarikat yang mengalami kekurangan tunai dan lebihan barang dagangan yang tidak terjual, maka kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat perbahasan ulama tentang hukum syariah pembayaran zakat berkaitan zakat perniagaan menggunakan barangan dan potensinya untuk diaplikasikan dalam pembayaran zakat perniagaan semasa, di samping cabaran dan kekangan dalam pelaksanaannya. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan yang komprehensif, menganalisis hujah dan perbincangan ulama berkaitan subjek, dan memilih pendapat yang kuat. Dapatan kajian menunjukkan ulama berbeza pandangan tentang kaedah pembayaran zakat perniagaan sama ada menggunakan wang tunai atau barangan perniagaan atau boleh kedua-duanya. Kajian juga mendapati terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan pembayaran zakat menggunakan barangan perniagaan antaranya fatwa zakat perniagaan sedia ada yang menetapkan hanya tunai sahaja diterima sebagai pembayaran zakat, kaedah pengiraan zakat barang tersebut sama ada berdasarkan nilai buku atau nilai pasaran, isu penentuan jenis barang yang boleh diterima sebagai bayaran zakat dan isu-isu lain.

**Kata kunci:** Zakat, *Arud Tijarah, Qimah, Ta`abudi, Tarjih.*

### PENDAHULUAN

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang berkaitan kewangan yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang mencukupi syarat-syaratnya. Ianya adalah satu ketetapan dari Allah SWT yang mempunyai banyak hikmah tersirat di sebalik pensyariatannya seperti untuk membersihkan jiwa dan hati manusia dari sifat bakhil, kedekut dan kasihkan dunia. Ianya juga bertujuan untuk membersihkan pendapatan manusia dari unsur-unsur yang syubhah yang tidak disedari berada dalam pemilikan seseorang (Mustafa Bugho, Mustafa Dib, Ali Sharbaji; 2003).

Terdapat beberapa jenis harta yang dikenakan zakat lantaran adanya sifat *al-Nama`* pada harta-harta tersebut dan salah satunya ialah barang perniagaan (al-Ruyani; 2009, jilid 9 halaman 3, al-Qardhwi, 2001). Ianya bermaksud setiap barang yang diperniagakan tertakluk kepada hukum zakat apabila ia mencukupi syarat-syaratnya. Dalam membincangkan tentang zakat ke atas barang perniagaan atau disebut juga zakat perniagaan (*zakat urud tijarah*), salah satu perbahasan

ulama ialah dalam soal cara pembayaran zakat perniagaan apabila ia telah cukup syarat dan rukunnya iaitu sama ada pembayaran adalah dengan menggunakan wang, atau barang perniagaan itu sendiri atau diberi pilihan salah satu antara keduanya. Fokus penulisan ini adalah perbincangan tentang hukum pembayaran zakat perniagaan menggunakan barang dagangan, cabaran pelaksanaan, cadangan penyelesaian dan isu-isu berkaitan.

### KAJIAN LITERATUR

Topik zakat merupakan antara topik yang banyak dibincangkan dalam ekonomi dan kewangan Islam, lantaran fungsinya yang bersifat kewangan sosial, iaitu untuk membantu golongan tertentu menjalani kehidupan mereka dalam aspek kewangan dan ekonomi. Bagi topik kaedah pembayaran zakat perniagaan menggunakan barang perniagaan itu sendiri jelas setakat pemerhatian tidak lagi artikel yang mengulas mengenai topik ini. Kebanyakan literatur yang ada hanya membincangkan tentang hukum-hukum fiqh berkaitan zakat sahaja, juga aplikasi pentadbiran zakat dari segi kecekapan pengurusan harta-harta zakat, kaedah pengiraan zakat, jenis penerima zakat dan harta berkaitan zakat. Antara artikel yang menyentuh perkara tersebut ialah seperti “Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari’ah” (Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman, 2016), “Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia” (Hairunnizam Wahid et al., 2010), “Kedudukan Mazhab Syafi’i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia : Muzakarah Fatwa Sorotan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010” (Luqman Haji Abdullah et al., 2013), “Kerelevanan Fatwa Mengenai Pengagihan Zakat Sebagai Suatu Sistem Jaminan Sosial Masyarakat Islam di Terengganu” (Wan Zulkifli Wan Hassan et al., 2016), “Isu dan Cabaran Pengenaln Kadar Baru Zakat Fitr di Perak” (Fidlizan, M. et al., 2019) dan sebagainya.

Begitu juga walaupun terdapat penulisan klasik dan fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh ulama dari Timur Tengah berhubung keharusan membayar zakat perniagaan dengan barangan itu sendiri (Kuwait Zakat House, 1988), ia juga masih belum cukup diketengah dan dikembangkan khususnya di negara ini. Apa yang wujud hanyalah penulisan-penulisan yang tidak secara khusus berkaitan pembayaran zakat menggunakan barang seperti seperti artikel bertajuk *Amalan Taksiran Zakat Perniagaan* (Nor Fadilah Bahari et.al; 2021) yang menerangkan tentang hasil survey berkaitan amalan pembayar-pembayar zakat yang mana sebahagian mereka menggunakan kaedah modal kerja, sebahagian pula menggunakan kaedah modal berkembang manakala sebahagian pula menggunakan kaedah untung rugi. Begitu juga artikel yang bertajuk *Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran*

*Zakat Yang Seragam di Malaysia* (Sanep Ahmad, Ahmad Othman: 2010) yang membahaskan secara terperinci tentang pengiraan zakat perniagaan. Artikel ini menarik dari sudut perbahasannya adalah berkaitan isu praktikal iaitu pengiraan zakat seperti isu tolakan, pelarasan dalam pengiraan zakat, harta-harta yang dikenakan zakat dan isu-isu berkaitan. Begitu juga artikel bertajuk *Amalan Perakaunan Zakat di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih* (Marhanum Che Mohd Salleh, Siti Alawiah Siraj; 2019) yang menerangkan kaedah perakaunan beberapa majlis agama Islam negeri terpilih. Menariknya artikel ini ialah ianya membincangkan tentang kaedah perakaunan, metode pengiraan dan perekodan pembayaran zakat dari segi perakaunan. Apa yang boleh disimpulkan dari artikel ini ialah terdapat beberapa kaedah perekodan penerimaan dan pengagihan zakat sama ada ia dikira sebagai perbelanjaan/perbelanjaan atau aset, isu sama ada bayaran zakat disatukan di bawah akaun utama entiti atau di bawah kumpulan wang, juga bentuk bayaran zakat kepada para asnaf sama ada secara tidak langsung. Artikel ini juga mempunyai persamaan paling hampir dengan apa yang cuba dibawakan oleh penulisan ini iaitu ada dibincangkan tentang pembayaran zakat secara tidak langsung/produktif iaitu menggunakan barang/selain dari tunai. Namun jelas ada perbezaan antara keduanya iaitu apa yang cuba dibawakan dalam penulisan ini adalah berkaitan kaedah pembayaran zakat perniagaan yang dibuat oleh pembayar menggunakan barang sedangkan artikel di atas menerangkan tentang kaedah perekodan dan pengagihan zakat menggunakan barang oleh pihak berkuasa zakat dan bukan pembayar zakat. Begitu juga artikel bertajuk *Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Baitul Mal Aceh* oleh Zahri Hamat (2010) yang mana ianya juga membincangkan tentang kelestarian pembayaran zakat secara produktif sama ada menggunakan qard hasan, pelaburan saham atau pembiayaan mikro. Juga tesis peringkat sarjana bertajuk *Analisis Pengagihan Zakat Produktif* oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan oleh Mohd Rawizal Mohd Nawawi (2018) yang menerangkan tentang amalan pengagihan zakat secara produktif di negeri Kelantan. Walaupun penulisan-penulisan ini juga ada persamaan dengan apa yang ingin dikupas oleh penulis namun jelas perbezaan antara keduanya dari aspek objektif dan pengoperasian.

Dari kajian literatur di atas jelas bahawa pembayaran zakat menggunakan barang perniagaan itu sendiri masih agak kurang dibincangkan, justeru, ini mewajarkan kajian ini, dan diharapkan ia dapat menambah nilai kepada kajian sedia ada mengenai zakat.

### **PENDAPAT ULAMA TENTANG KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT SAMA ADA MENGGUNAKAN BARANGAN ATAU NILAI/WANG**

Bagi mazhab al-Syafie, secara umumnya mereka menganggap bahawa zakat adalah satu ibadah yang bersifat *ta'abudi*, iaitu satu ibadah yang tidak difahami

secara pasti *`illah* di sebalik pensyariatannya, bahkan ia hanya perlu diterima seadanya sahaja dan dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan tanpa perlu banyak dirasionalisasikan sebab arahan. Rentetan itu maka zakat perlu dibayar sebagaimana yang disebutkan di dalam *nas* sahaja termasuklah dari segi aset yang digunakan untuk membayar zakat, dan tidak boleh membayar menggunakan selain darinya (al-Zanjani, t.t). Ini jelas difahami dari hadis-hadis yang menerangkan tentang zakat dan jenis-jenisnya yang mana dalil-dalil tersebut secara zahirnya jelas menyebutkan secara khusus tentang jenis-jenis harta yang dikenakan zakat dan dari apa yang dapat difahami dari perbincangan mereka ialah, ianya mesti dikeluarkan mengikut jenis harta zakat yang telah disebut dan telah ditetapkan oleh Syarak sendiri dan tidak boleh dikeluarkan harta jenis selain dari apa yang disebutkan. Ini jelas dilihat dari perbahasan ulama mazhab Syafie yang menyatakan zakat mesti dibayar dengan jenis harta itu sendiri, melainkan adanya kemudahan dan kesukaran untuk berbuat demikian maka barulah dibenarkan beralih kepada bayaran menggunakan nilai/wang (al-Nawawi; t.th, jilid 5, halaman 431).

Begitu juga bagi pemungut zakat/pihak berkuasa zakat yang mana mereka juga tidak boleh menjual harta zakat untuk mendapatkan wang untuk diberikan kepada para asnaf. Justeru seperti mana halnya pembayar zakat wajib membayar menggunakan jenis harta zakat itu sendiri sebagai bayaran maka begitu juga pemungut zakat perlu mengagihkan zakat dengan harta yang sama, kerana adanya unsur *ta'abudi* pada jenis harta itu sendiri, dan bukan hanya sekadar membuat bayaran zakat sahaja. Dengan kata lain, bagi zakat tanaman sebagai contoh maka tanamanlah yang mesti dikeluarkan sebagai bayaran zakat. Begitu juga zakat binatang yang mana mesti binatang jugalah yang dikeluarkan. Ini juga terpakai bagi zakat fitrah yang mana dalam mazhab al-Syafie, zakat fitrah tidak boleh dibayar selain dari dengan beras. Pembayaran zakat menggunakan nilai atau wang hanya dibenarkan bagi kes-kes tertentu sahaja bagi seperti sekiranya binatang yang perlu dikeluarkan sebagai bayaran zakat binatang ternakan tidak ditemui sebagaimana sifat yang sepatutnya untuk pembayaran zakat, atau pemilik enggan membayar dengan jenis harta yang ia ada maka dibenarkan bagi pemerintah untuk mengambil harta lain sebagai bayaran zakat termasuklah mengambil wang sebagai ganti (al-Ramli, t.t).

Kata imam al-Haramayn al-Juwayni:

*“kalaupunlah wajib dikeluarkan zakat seekor kambing, kemudian sesudah dari adanya kemampuan untuk membayar zakat maka mati salah seekor kambing dari 40 ekor yang ada, dan adanya kesukaran untuk mendapatkan seekor sebagai ganti sedangkan keperluan orang fakir ketika itu adalah mendesak maka yang jelas disisiku ialah hendaklah dikeluarkan nilai kerana adanya*

*keperluan mendesak (darurat), sedangkan tiada alasan untuk melewatkan hak-hak golongan fakir”.* (al-Juwayni; 2007, Jilid 3, halaman 201).

Justeru penukaran jenis harta yang dikenakan zakat kepada nilai hanya dibenarkan dalam situasi mendesak sahaja seperti jika adanya kesukaran penyerahan kepada para asnaf seperti kos penjagaan yang tinggi, atau kesukaran menyerahkan barang sendiri kepada mereka maka barulah ianya dibenarkan (al-Juwayni, 2007, 3:348). Begitu juga situasi-situasi lain yang mendesak seperti halnya dalam soal harta *khuliah* (harta zakat yang bercampur antara dua pemilik yang mencukupkan nisab zakat) yang mana rakan kongsi boleh membayar zakat ternakan menggunakan wang sebagai ganti bagi bahagian binatang yang dimilikinya dan situasi-situasi mendesak lain yang dibenarkan untuk membayar menggunakan nilai.

Asas yang di pegang oleh mazhab al-Syafie dalam soal ini adalah jelas iaitu oleh kerana dalil telah menyebutkan harta-harta yang dikenakan zakat, juga kadarnya dan jenis-jenis harta yang perlu dikeluarkan sebagai bayaran zakat maka tidak perlu lagi untuk berijtihad bahkan hanya perlu dilaksanakan sahaja sebagaimana yang telah disebutkan oleh nas-nas berkaitan. Ini juga dapat difahami dari asas *istinbat* hukum yang terpakai dalam mazhab al-Syafie yang mana bagi mereka, ijtihad adalah metode mengeluarkan hukum bagi bagi isu-isu yang tiada ketetapan Syarak padanya. Bagi isu-isu yang telah disebutkan hukumnya termasuk dalam isu zakat dan kaedah pembayarannya maka tiada lagi ruang untuk berijtihad bahkan perlu mengikut sahaja sebagaimana yang dinyatakan dalam *nas. Ma'qulatul al-Makna* atau *'illah* dalam soal zakat hanya terpakai apabila tidak dapat dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan oleh nas secara khusus maka pada ketika itu barulah perlu melihat kepada *'illah* atau objektif di sebalik pensyariatian zakat itu sendiri (al-Shirazi; t.t, halaman 70-71, Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani, Fidlizan Muhamad; 2021). Kaedah yang terpakai di sisi mereka dalam bab zakat ialah, zakat itu termasuk dalam perkara-perkara yang bersifat *ta'abudi*, iaitu perkara-perkara yang mana asasnya adalah lambang perhambaan kepada Allah SWT dan tanpa bergantung kepada kefahaman, *'illah* atau sebab di sebalik sesuatu hukum (al-Zanjani, t.t). Ini dapat dilihat dari hukum-hukum yang ada dalam bab zakat seperti diwajibkan ke atas jenis-jenis harta yang tertentu sahaja, dengan kadar yang tertentu, dan diagihkan kepada golongan tertentu, dan dalam masa yang tertentu (al-Suyuti, 1997). Melihat kepada pengkhususan yang ada pada zakat ini maka jelas ia tidak sama seperti ibadah berkaitan harta yang lain seperti sedekah, wasiat dan sebagainya. Bagi mereka zakat adalah ibadah yang bersifat khusus, maka begitu juga ianya adalah khusus dalam soal pembayaran iaitu mesti menggunakan barangan tertentu sebagaimana yang telah disebutkan oleh *nas* berkaitan dengannya.

## PENDAPAT ULAMA TENTANG PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN MENGGUNAKAN BARANG JUALAN/PERNIAGAAN

Dalam soal kaedah pembayaran zakat perniagaan pula sama ada dengan menggunakan barang perniagaan itu sendiri atau menggunakan wang, memandangkan nas-nas berkaitan zakat tidak menyebutkan secara jelas kaedah pembayaran zakat sama ada menggunakan barang sendiri atau nilai berbeza halnya dengan zakat fitrah, zakat tanaman dan binatang ternakan maka terdapat beberapa pendapat dalam mazhab Syafie berkaitan isu ini iaitu:

- **Pendapat Pertama:** pembayaran zakat perniagaan mesti dibuat menggunakan wang dan ini adalah pendapat yang asah yang dipakai dalam mazhab Syafie, ini kerana barang itu sendiri bukan jenis harta-harta zakat pada asalnya, bahkan ia menjadi harta zakat bila diniagakan, dan perniagaan adalah berkaitan dengan penilaian kepada barang tersebut, maka berdasarkan ini yang perlu dikeluarkan ialah nilai iaitu wang.
- **Pendapat Kedua:** pembayaran zakat perniagaan mesti dibuat menggunakan barang kerana barang adalah sebab diwajibkan zakat perniagaan.
- **Pendapat Ketiga:** Boleh memilih antara wang dan barang dalam pembayaran zakat perniagaan, kerana keduanya adalah sebab kepada wajibnya zakat perniagaan (al-Nawawi, t.th; al-Rafie; 1997, Mustafa al-Bugho, Mustafa Khin, Ali Sharbaji; 2012).

Punca perbezaan pendapat di atas ialah pada melihat kepada perniagaan itu sendiri sama ada adakah ia hanya sebagai alat untuk mendapatkan wang dan keuntungan sahaja, atau ianya untuk mendapatkan barang sendiri. Bagi pendapat yang mengatakan bahawa objektif utama perniagaan adalah untuk mendapatkan wang dan keuntungan maka yang dikenakan zakat adalah wang dan keuntungan itu sendiri. Bagi yang melihat kepada perniagaan itu bahawa ia adalah bertujuan untuk mendapatkan barangan yang mana ia adalah sumber kepada keuntungan dan kekayaan maka mereka mewajibkan pembayaran zakat dengan barang tersebut, dan bagi pendapat yang mengharuskan keduanya pula mereka melihat zakat ke atas barang mempunyai kedua unsur dan maksud sepertimana yang dilihat oleh kedua-dua pandangan di atas justeru pembayar boleh memilih antara keduanya. Pendapat yang kuat dan terpakai di sisi mazhab Syafie ialah pendapat yang pertama iaitu pembayaran zakat perniagaan mesti dibuat menggunakan wang dan nilai dan bukan dengan menggunakan barang perniagaan itu sendiri dan ia juga adalah pendapat yang dipegang oleh mazhab Hanbali ialah (al-Nawawi, t.th, Ibn Qudamah, 1995).



Bagi pandangan mazhab Hanafi pula, pandangan mereka agak berbeza yang mana mereka melihat bahawa zakat dari aspek pembayaran adalah bersifat *ma`qulatul al-Makna* iaitu pembayaran zakat boleh menggunakan jenis aset asal sebagaimana yang telah disebutkan oleh *nas-nas Syarak* dan ia juga boleh menggunakan nilai sebagai ganti kepada jenis aset asal yang perlu dikeluarkan zakat (al-Zanjani; t.t, Ibn Abidin; 2000, Ibn Qudamah; 1996, al-Qardawi, 2001). Sebagai contoh bagi zakat fitrah, ianya boleh dibayar dengan beras atau boleh juga membayar menggunakan nilai kepada beras tersebut iaitu membayar dengan wang yang sama nilai dengan kadar beras yang diwajibkan sebagai bayaran zakat. Sama juga halnya dengan zakat harta seperti zakat perniagaan, zakat tanaman, zakat ternakan, zakat emas dan perak yang mana semuanya boleh digantikan dengan wang sebagai bayaran zakat. Bagi pendapat ini, mereka berpegang kepada amalan para sahabat RA dan bagi mereka, apa yang penting dalam zakat adalah pembayaran itu sendiri, dan penerimaan serta keredaan asnaf terhadap aset yang diterima sebagai bayaran zakat. Justeru berdasarkan pemerhatian, bagi mazhab Syafie, prinsip asas zakat adalah *ta`abudi*, namun jika adanya kesukaran maka dibenarkan berpaling kepada makna, sedangkan bagi mazhab Hanafi, prinsip asas mereka zakat adalah *ma`qulatul al-makna* dan bukanlah sebaliknya.

### **Pendapat Terpilih**

Pendapat yang kuat dalam soal zakat perniagaan ialah, diharuskan membayar zakat menggunakan barang jika adanya situasi yang mendesak berasaskan hujah di bawah iaitu:

1. Barang perniagaan adalah asas kepada kewajipan zakat, yang mana darinya akan dibuat penilaian untuk membayar jumlah sebanyak 2.5% dari kadar nisab emas. Sebagaimana penilaian berdasarkan emas dan perak atau matawang adalah elemen penting dalam soal zakat perniagaan kerana melaluinya dibuat penilaian maka begitu juga barang itu sendiri juga adalah salah satu elemen penting wajibnya zakat perniagaan, maka memilih salah satu antara keduanya adalah diharuskan.
2. Ianya juga yang telah dipilih oleh Sheikh Yusuf al-Qardhawi (2001), Dr Qaradaghi (2019) dan lain-lain. Nadwah Zakat Kuwait ada menyebutkan:

*“Hukum asal bagi pembayaran zakat perniagaan adalah dengan menggunakan wang sesudah dinilai barang dan membuat pengiraan bagi kadar yang wajib dikeluarkan, kerana ianya adalah lebih sesuai kepada para fakir, kerana wang boleh memenuhi keperluan mereka yang pelbagai, namun demikian diharuskan juga mengeluarkan zakat menggunakan*



*barang perniagaan itu sendiri, apabila ianya boleh menghilangkan kesukaran dari pembayar dalam situasi kemelesetan dan kecairan yang lemah, juga apabila ia boleh mencapai kemaslabatan para fakir melalui pengambilan bayaran zakat menggunakan barang yang ia boleh mengambil manfaat dari barang tersebut, dan ini adalah pendapat yang telah dipilih oleh Nadwah dalam ijthad-ijthad fiqh dan berdasarkan keadaan semasa”.* (h. 466).

3. Wujudnya situasi yang mana syarikat-syarikat perniagaan yang perlu membayar zakat menghadapi kesukaran di sebabkan kekurangan tunai, atau tunai sedia ada ingin digunakan untuk pengembangan perniagaan (*business expansion*) yang merupakan satu perkara yang sangat penting dalam perniagaan dewasa ini dan dalam masa yang sama mereka mempunyai lebihan stok-stok yang tidak terjual. Membenarkan syarikat yang menghadapi situasi sebegini membayar zakat adalah sangat membantu mereka dalam aspek pengurusan tunai dan ini akan menyumbang kepada prestasi yang lebih baik kepada syarikat (Thangavelu, 2020). Pembayaran zakat sebegini juga dikira lebih mesra pembayar dan ianya juga secara tidak langsung boleh mengoptimumkan hasil kutipan zakat (Adibah Abdul Wahab; Joni Tamkin Borhan: 2014).
4. Ianya memberi kemudahan kepada penerima zakat yang mana mereka tidak perlu bersusah payah mendapatkan sendiri barangan yang diperlukan, begitu juga ianya boleh didapati dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran dan ini jelas sangat membantu mereka dalam menambah nilai zakat yang mereka terima. Ianya bukan sahaja boleh menjimatkan kos dari segi kos pengangkutan, harga barang yang lebih rendah berbanding harga di pasaran, bahkan ia juga boleh menjimatkan masa dan tenaga para asnaf untuk mendapatkan barangan yang mereka perlukan dalam kehidupan mereka dan ini boleh menyumbang kepada keyakinan dan kepercayaan para asnaf dengan aspek pengurusan zakat dan seterusnya dapat menambah baik sistem keberkesanan kutipan dan agihan zakat secara efektif dan efisien (Ahmad Shahir & Adibah 2010).

Namun perlu dinyatakan di sini bahawa kajian ini bukan bertujuan untuk menukar landskap pembayaran zakat sepenuhnya dari wang kepada barangan, namun ia adalah lebih kepada alternatif pembayaran, pilihan dan jalan keluar kepada syarikat-syarikat yang menghadapi aliran tunai dan keadaan ekonomi yang agak sukar namun dalam masa yang sama adanya lebihan stok mereka yang tidak terjual yang boleh diguna untuk membayar zakat. Begitu juga ianya adalah salah

satu alternatif kepada para asnaf yang memerlukan barang lebih dari memerlukan wang. Justeru kajian hanya melihat kepada keperluan dan situasi tertentu sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk membayar zakat menggunakan barang perniagaan.

### **ISU-ISU BERKAITAN PEMBAYARAN ZAKAT MENGGUNAKAN HARTA DAN CADANGAN PENYELESAIANNYA.**

Walaupun telah dibincangkan sebelum ini bahawa diharuskan membayar zakat perniagaan menggunakan barang dagangan itu sendiri terutama apabila adanya situasi mendesak namun begitu melihat kepada amalan semasa berkaitan pembayaran zakat perniagaan, jelas ianya bukanlah perkara yang mudah dilakukan, apatah lagi kerangka zakat semasa yang banyak berorientasikan pembayaran tunai/ secara langsung, maka di sana wujud beberapa cabaran yang mungkin timbul dalam pengoperasian kaedah pembayaran zakat sebegini. Antara isu-isu dan cabaran dalam aplikasi cadangan ini ialah:

#### **Isu Pertama: Fatwa Semasa Mewajibkan Pembayaran Zakat Perniagaan Menggunakan Wang.**

Sebagaimana yang dimaklumi, zakat di Malaysia di bawah kawal selia pihak berkuasa agama yang diamanahkan (Perlembagaan Persekutuan, 1963) dan berdasarkan fatwa semasa berkaitan pembayaran zakat perniagaan, jelas ianya mesti dibayar menggunakan wang, iaitu dengan kadar 2.5% dari jumlah aset yang tertakluk kepada zakat (*zakatable asset*) dan ini adalah perkara yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa zakat di Malaysia (PPZ; 2020), dan setakat hari ini, tiada lagi fatwa yang menyebutkan keharusan membayar zakat menggunakan selain dari wang. Berdasarkan fatwa ini, begitu juga fatwa yang menyebutkan bahawa pembayaran zakat mesti dibayar kepada pusat-pusat zakat maka secara tersiratnya ia memberi maksud bahawa pembayaran zakat menggunakan barang adalah tidak diterima, juga dianggap berdosa (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan; 2006, PPZ Mawip; 1997).

Tidak dinafikan bahawa isu berkaitan pembayaran zakat oleh para peniaga menggunakan barang bagi pusat-pusat zakat adalah satu perkara yang baru dan bukanlah amalan yang lazim diamalkan. Ini kerana secara tradisinya mereka hanya menerima pembayaran zakat perniagaan menggunakan wang, dan ini juga yang telah diterima oleh masyarakat dan telah menjadi tradisi mereka. Bagi pengagihan zakat secara tidak langsung menggunakan barang pula (Marhanum, 2019), ianya diterima pakai namun ianya adalah amalan pembayaran antara pihak berkuasa zakat dan penerima sahaja, dan bukan antara pembayar dan pihak berkuasa zakat.

Bagi mengatasi isu ini, apatah lagi melihat kepada keperluan dan kekangan pembayar zakat, begitu juga perkembangan semasa ekonomi terutama dengan bermulanya era Revolusi Industri 4.0 dengan pengenalan teknologi *fintech*, perniagaan *online*, *Internet Of Things*, *blockchain* dan sebagainya (Wikipedia; 2023)) yang antara lainnya banyak bergantung kepada teknologi dan mengurangkan fungsi orang tengah maka pihak berkuasa zakat perlu melakukan anjakan paradigma dalam operasi gerak kerja mereka, yang mana selain dari pendedahan kepada penggunaan teknologi terkini mereka juga perlu menjadi pemudah cara, perlu mengambil kira perspektif pihak-pihak yang terlibat, dan termasuk perkara ini ialah dengan mempertimbangkan keharusan membayar zakat menggunakan barang dalam situasi-situasi tertentu. Termasuklah juga memudah carakan proses tersebut seperti dengan mengeluarkan resit bayaran zakat untuk tujuan tolakan cukai dan sebagainya, juga mengeluarkan surat pengesahan pengiraan, mengeluarkan fatwa yang jelas tentang keharusan bayaran zakat menggunakan barang dalam situasi-situasi tertentu dan memaklumkan kepada penerima (jika perlu) tentang adanya opsyen lain dalam soal jenis harta yang boleh dibuat sebagai pembayaran zakat dengan dijelaskan juga tata cara prosedurnya.

Justeru di sini perlu adanya perbincangan antara pihak berkuasa zakat dan pembayar tentang kaedah pembayaran menggunakan barangan ini dalam aspek-aspek yang berkaitan pembayaran supaya kedua pihak dapat memanfaatkan alternatif pembayaran zakat perniagaan dan dalam masa yang sama boleh membantu para peniaga ini menghadapi situasi-situasi mendesak dan diluar jangka. Perkara ini bukan sahaja menjadikan mereka lebih mesra pelanggan, bahkan ianya juga secara tidak langsung membantu industri dan ekonomi sesebuah tempat itu berkembang dan lebih fleksibel dan anjal dalam berhadapan dengan situasi-situasi yang tidak diingini. Dalam mencapai tujuan ini pihak pusat zakat boleh mengadakan seminar, persidangan, muzakarah dan sebagainya dalam usaha menggembelng tenaga pakar dalam bidang-bidang berkaitan demi untuk mencapai amalan terbaik dalam pelaksanaan pembayaran zakat menggunakan barangan dan kupasan isu-isu yang berkaitan dengannya seterusnya ini juga diharap boleh menyumbang kepada pemerksaan pengurusan zakat oleh pihak berkuasa zakat (Izlawanie Muhammad; 2016). Pembayaran zakat menggunakan barang sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru bagi mereka, bahkan juga ini selari dengan salah satu kaedah pengagihan zakat yang telah pun diamalkan oleh pihak pengurusan zakat yang mana pengagihan zakat juga dilakukan dengan secara tidak langsung (produktif) dengan memberikan peralatan-peralatan yang diperlukan oleh para asnaf untuk membolehkan mereka keluar dari belunggu kemiskinan, dan ini termasuklah barangan seperti kenderaan untuk berniaga, mesin, peralatan lain dan sebagainya (Marhanum; 2019, Zahri Hamat; 2010).

Penglibatan pusat zakat juga adalah penting yang mana tanpa adanya persetujuan dan kelulusan dari mereka, cadangan pembayaran zakat dengan menggunakan barang ini tidak akan berjaya dan syarikat yang membayar zakat menggunakan barang tidak akan mendapat insentif seperti tolakan cukai dan sebagainya. Melihat trend semasa pembayaran zakat perniagaan berbanding cukai yang mana ia adalah rendah (Atrdul Rahman Ngatenan@Adnan; Hairunnizam Wahid; Sanep Ahmad; 2015) maka sewajarnya pihak berkuasa zakat mengambil inisiatif dengan menjadi pemudah cara pembayaran zakat perniagaan ini untuk menggalakkan lagi pembayaran zakat. Walaupun kadar yang diberi tolakan adalah kecil bagi syarikat yang membayar zakat (LHDN; 2012, 10), namun paling tidak jumlah barang yang telah dikeluarkan sebagai zakat boleh membantu dalam menguruskan kewangan syarikat dengan lebih efisien dan mengurangkan bebanan syarikat terutama yang bagi syarikat yang menghadapi kesukaran dari segi aliran tunai dalam keadaan ekonomi yang serba mencabar ketika ini (Tan; 2019).

Juga dicadangkan di sini bahawa pihak berkuasa zakat mungkin boleh memaklumkan kepada masyarakat dan kepada pembayar tentang wujudnya polisi yang membenarkan penerimaan bayaran zakat perniagaan dengan menggunakan barang namun ianya tertakluk kepada perbincangan dan budi bicara kedua belah pihak (pembayar/syarikat perniagaan) serta pihak berkuasa zakat dari segi penentuan kelayakan dan ia adalah berbeza antara satu syarikat dengan yang lain (*case to case basis*). Dalam soal ini apa yang penting ialah adanya kefahaman dari pihak syarikat tentang keharusan membayar zakat menggunakan barang dan juga tata cara *Standard Operating Procedure* yang jelas yang menjadi rujukan untuk membuat permohonan membayar zakat menggunakan barangan dan adanya undang-undang yang membenarkan zakat dibayar menggunakan barangan.

Bagi isu logistik pula, seperti isu tempat penyimpanan barangan yang telah dibayar sebagai zakat kepada pusat-pusat zakat maka apa yang boleh dicadangkan di sini ialah adanya persetujuan dari pihak pusat-pusat zakat untuk menerima pakai amalan pembayaran zakat barang secara terus daripada pembayar kepada penerima, dengan kapasiti pembayar zakat sebagai wakil kepada pusat-pusat zakat. Ini bermaksud bahawa pembayar zakat tidak perlu membawa barang yang akan digunakan untuk pembayaran zakat ke kaunter-kaunter zakat, memadai ianya kekal di tangan pembayar zakat tetapi telah diqabd oleh pusat zakat. Kemudian pusat zakat mewakilkan pembayar zakat untuk terus mengagihkannya kepada sesiapa yang dikira layak, sama halnya dengan apa yang sedang diamalkan ketika ini iaitu pengagihan dibuat oleh pembayar zakat di atas kapasitinya sebagai wakil kepada pusat zakat (PPZ; 2023, LZS; 2022). Ini dijangka dapat mengatasi isu logistik dan tempat penyimpanan yang perlu ditanggung oleh pusat-pusat zakat jika dibenarkan pembayaran zakat perniagaan

menggunakan barang jualan. Bagi isu qabd pembayaran zakat oleh pihak berkuasa zakat, tiada masalah dari segi hukum fiqh kerana ianya telah sempurna qabd oleh pihak berkuasa zakat. Pembayar zakat juga sudah tidak mempunyai apa-apa lagi hak ke atas asetnya yang telah dibayar sebagai zakat. Ini sepertimana yang difahami dari perbincangan ulama mazhab Syafie tentang implikasi qabd dalam hukum zakat. Kata mereka; **“Jika seseorang itu mempunyai hutang ke atas orang lain lalu ia berkata: “hutang tersebut aku halalkan dengan aku jadikannya sebagai zakatku kepadamu”**, maka menurut pendapat yang asah ialah tidak memadai, sehinggalah ia (asnaf) terimanya/qabd, kemudian ia kembalikannya kepada pembayar jika ia ingin, namun menurut pendapat kedua pula maka ia adalah memadai, sama juga halnya seseorang yang menyimpan duit wadiah dengan seseorang yang layak menerima zakat. (al-Nawawi, 2000).

### **Isu Kedua: Penentuan Situasi Pembayar Zakat.**

Salah satu cabaran dalam pelaksanaan pilihan pembayaran zakat perniagaan menggunakan barangan ini ialah penentuan situasi dan keadaan kewangan pembayar zakat yang ingin melunaskan tanggungjawab bayaran zakat perniagaan mereka menggunakan barang dagangan. Ini kerana jika berdasarkan pendapat yang telah dipilih sebelum ini iaitu pembayaran zakat menggunakan barangan adalah diharuskan jika adanya keperluan dan situasi yang mendesak maka perlu ditentukan dahulu situasi yang bagaimanakah yang dikira sebagai mendesak yang boleh dibenarkan untuk membayar zakat menggunakan barang tersebut. Penentuan tentang perkara ini boleh dicapai melalui penetapan suatu *dawabit* atau parameter yang membolehkan sesebuah syarikat itu dikategorikan sebagai menghadapi masalah kecairan dalam perniagaan atau sebagainya sehingga membolehkan mereka membayar zakat menggunakan barang. Ini penting demi memastikan bahawa cara pembayaran zakat menggunakan barangan ini adalah terkawal dan tidak digunakan sewenang-wenangnya sehingga boleh menjejaskan kerangka pembayaran zakat semasa yang banyak bergantung kepada tunai, di samping memelihara kelangsungan hidup penerima zakat yang mana dalam banyak situasi mereka lebih memerlukan wang lebih dari keperluan barangan lain untuk kehidupan mereka. Wang adalah salah satu asas penting dalam kehidupan kerana melaluinya manusia dapat memenuhi keperluan mereka yang pelbagai sama ada melalui transaksi jual beli dan pertukaran-pertukaran lain yang dapat dipenuhi dengan perantaraan wang (al-Ghazali; t.th, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Adib Ismail; 2011). Kerana itu tidak hairanlah bahawa Islam menetapkan undang-undang khusus berkaitan dengan barangan *ribawi* dalam jenis matawang, dan antara hikmahnya adalah supaya ianya tidak dimanipulasi sehingga menyusahkan kehidupan manusia dan juga supaya ianya kekal berfungsi sebagai alat pertukaran dan menyimpan nilai (al-Nawawi, 2000).

Justeru dalam penetapan parameter bagi penentuan situasi pembayar untuk membolehkannya membayar zakat menggunakan barang dagangan, dicadangkan supaya kadar tunai syarikat yang rendah boleh diambil kira dan ia ditentukan sama ada secara jelas melalui penetapan kadar tertentu atau berdasarkan kes/*case to case basis* yang mana menurut pihak syarikat dan pihak berkuasa zakat ianya boleh dijadikan asas dalam menentukan sama ada kadar tunai sesebuah syarikat itu adalah lemah, juga mungkin boleh dipertimbangkan jika situasi yang mana stok yang tidak terjual adalah dalam lingkungan 33%-70% dari jumlah keseluruhan aset sebagai contoh maka ia dikira sebagai jumlah yang banyak (SC; 2023, AAOIFI; 2017) yang mana ia menjustifikasikan pembayaran zakat menggunakan wang. Ini juga bersesuaian dengan kadar maksimum *ghabn fabish* (harga melampau) yang diterima dalam sebahagian mazhab yang menetapkan bahawa kadar maksimum yang dianggap tidak *fabish* adalah kadar tidak melebihi 1/3 (al-Baghdadi; 1999). Parameter yang dicadangkan juga boleh mengambil kira situasi yang mana aset-aset yang tidak terjual melebihi beberapa tempoh yang panjang yang menjadikan nilainya berkurangan sehingga mencapai status *obsolete inventory* atau *dead inventory* (Investopedia, 2023). Begitu juga factor kekurangan aliran tunai yang agak signifikan, kos fasiliti penyimpanan dan penyelenggaraan aset yang tinggi, tunai diperlukan untuk pembayaran hutang semasa dan sebagainya yang boleh diambil kira dalam pembayaran zakat menggunakan barang. Apa yang penting ialah adanya maklumat yang jelas tentang perkara-perkara yang akan diambil kira oleh pihak berkuasa dalam membenarkan pembayaran zakat sebegini kerana perkara mendesak dan baru datang maka ianya perlu dibuktikan dan dijustifikasikan oleh pemohon.

### **Isu Ketiga: Metode Penilaian Harga Barangan.**

Salah satu isu berbangkit berkaitan cadangan ini ialah tentang kaedah penentuan harga atau nilai barang dan isu-isu yang berbangkit yang berkaitan dengannya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, ketika membuat taksiran mengenai zakat perniagaan, bagi syarikat yang memilih untuk membayar zakat menggunakan wang maka ia akan melihat kepada nilai barangan/stok dan aset-aset lain yang tertakluk kepada hukum zakat/*zakatable asset*, dan sebagaimana amalan pengiraan zakat semasa, stok atau barang perniagaan akan dinilai untuk mengetahui jumlah aset (semasa) syarikat, dan dari segi proses penilaian ini maka pihak juru audit yang dilantik akan menetapkan kadar tertentu terutama dari segi susut nilai aset berdasarkan kaedah yang diterima pakai oleh mereka. Dalam soal ini isu yang mungkin timbul ialah waktu pembayaran zakat menggunakan barang sama ada akan mengambil kira susut nilai barangan (*book value*) atau melihat kepada nilai semasa (*market value*) aset itu sendiri. Contohnya seperti beg sekolah yang mana jika melihat kepada nilai pasaran ianya berharga RM50 sebagai contoh, namun

dalam pengiraan juru audit sesudah diambil kira susut nilai maka nilainya adalah RM45, maka persoalannya harga yang manakah yang diambil kira dalam menentukan jumlah zakat yang dikeluarkan jika zakat yang dikeluarkan adalah menggunakan barang sendiri. Dalam situasi ini jika taksiran zakat semasa sebuah syarikat pembuat beg adalah RM5000 sebagai contoh, maka berapakah jumlah beg yang perlu dikeluarkan sebagai zakat? Adakah sebanyak 111 buah (111 x RM45) atau 100 buah (100 x RM50)?

Kajian berpendapat bahawa kadar yang perlu diambil kira ialah mengambil kira susut nilai/*book value* dan bukan mengambil kira nilai pasaran semasa (*market value*), dan ini kerana kiraan berdasarkan susut nilai adalah yang diambil kira dalam pengiraan cukai dan zakat semasa (PPZ; 2023). Juga kerana zakat tidak boleh dijadikan sebagai medium untuk mencari keuntungan dalam perniagaan, dan mengambil kira harga berdasarkan harga pasaran semasa yang mana ia termasuk harga keuntungan adalah dikira tidak berpadanan dengan konsep zakat yang dikira membantu para asnaf. Namun jika perbezaan sangat besar antara keduanya (*book value* dan *market value*) maka boleh dipilih mana yang lebih menguntungkan para asnaf.

Dalam soal ini juga terdapat pendapat dalam mazhab Hanafi yang membenarkan untuk memilih mana-mana penilaian untuk harta-harta zakat, terutama yang lebih murah dan ia jelas dapat membantu dan lebih memberi manfaat kepada golongan fakir miskin, dan ini jelas merujuk kepada harga yang mengambil kira penyusutan nilai. Bagi Muhammad bin Hassan beliau menyatakan perlu mengikut harga pasaran sepertimana halnya dalam soal penggantian barang yang dirampas (al-Mosuli; 1987, jilid 1, halaman 112). Bagi pendapat Abu Yusuf pula, jika pembelian barang menggunakan wang maka dinilai menggunakan harga kos, namun jika dibeli menggunakan selain dari menggunakan wang maka dinilai dengan nilai semasa (al-Marghinani; t.th, jil 1, halaman 103).

Selain itu juga, pengiraan perlu melihat kepada kaedah penilaian perakaunan semasa, dengan melihat kepada jenis aset sama ada aset yang semakin bernilai tinggi dengan berlalunya masa (*appreciation*) seperti hartanah, atau sebaliknya seperti mesin, kenderaan, peralatan elektronik dan sebagainya yang mana nilainya semakin rendah disebabkan perkembangan teknologi dan permintaan semasa yang sentiasa berubah (Investopedia, 2023).

Imam al-Nawawi (t.th) ada menerangkan situasi bagi aplikasi 3 pendapat mazhab al-Syafie dalam soal keharusan membayar zakat sama ada dengan wang atau dengan barang sepertimana disebutkan di atas dengan katanya:

*“Kalanlah seorang yang membeli dengan barga 200 dirham (kadar nisab zakat) 200 timbangan gandum, atau dengan 100 (dirham) sahaja dan kita kata*



*bahawa yang diambil kira dari segi nisab (zakat perniagaan) ialah di akhir hawl sabaja (pendapat yang terpakai dalam mazhab iaitu kecukupan nisab yang diambil kira adalah di akhir hawl perniagaan sabaja), lalu berlalu hawl (setahun) dan gandum tersebut telah pun bernilai 200 dirham (di akhir hawl) maka berdasarkan pendapat yang masyhur (yang menyatakan bahawa perlu membayar zakat perniagaan menggunakan wang) maka kadar yang perlu dikeluarkan ialah sebanyak 5 dirham, dan menurut pendapat yang kedua (wajib membayar dengan barang) dikeluarkan 5 timbangan gandum, dan pendapat yang ketiga pula ia boleh memilih antara keduanya..,*

Bagi situasi seseorang yang melewatkan pembayaran dan harga barang telah turun harga di waktu pembayaran, beliau (al-Nawawi, t.th) membahagikan sama ada kelewatan adalah sebelum *imkan* (adanya kemungkinan atau kemampuan) atau sesudah *imkan* di mana beliau menyebutkan:

*“...dan jika seseorang itu melewatkan mengeluarkan zakat sehingga nilainya berkurang yang mana ia sekarang telah berkurang nilainya (bagi contoh di atas) menjadi 100 (dirham) maka perlu dilibat sama ada yang demikian itu berlaku sebelum adanya kemampuan untuk mengeluarkan zakat (imkan al-Ada) dan kita memilih pendapat imkan itu adalah syarat bagi wajibnya zakat maka dalam situasi ini tidak dikenakan zakat (kerana nilai telah jatuh dari kadar nisab sebelum imkan). Namun jika kita kata bahawa imkan itu hanya syarat bagi penggantian (dan bukan syarat bagi jaminan) maka menurut pendapat yang masyhur wajib ke atasnya 2.5 dirham, dan menurut pendapat yang kedua 5 timbangan dan pendapat yang ketiga boleh memilih antara keduanya. Bagi situasi jika kelewatan adalah sesudah adanya imkan maka menurut pendapat yang masyhur ialah (perlu dikeluarkan sebagai zakat) sebanyak 5 dirham, kerana susut nilai itu adalah di bawah tanggungannya, dan menurut pendapat yang kedua pula dikeluarkan 5 timbangan yang mana ia tidak perlu menggantikan kekurangan (dari segi nilai yang mana gandum sekarang hanya bernilai 100 dirham sabaja disebabkan kelewatan pembayaran) sama halnya dalam bab rampasan, dan menurut pendapat yang ketiga pula ia boleh membayar dengan mana-mana yang ia suka.*

Bagi situasi jika harga barang meningkat pula sesudah kelewatan, beliau menyebutkan:

*Bagi situasi jika dia melewatkan pembayaran zakat lalu berlaku peningkatan harga menjadi 400 dirham maka jika yang demikian itu adalah sebelum dari imkan al-Ada` dan kita berpandangan bahawa ia adalah syarat wajibnya*

*zakat maka menurut pendapat yang masyhur wajib ia mengeluarkan sebanyak 10 dirham, dan menurut pendapat yang kedua pula adalah dikeluarkan sebanyak 5 timbangan gandum, dan pendapat yang ketiga ia boleh memilih antara keduanya. Dan jika kita berpandangan bahawa ia adalah syarat bagi dhaman/penggantian maka yang wajib baginya ialah ia perlu mengeluarkan sebanyak 5 dirham, dan pendapat yang kedua adalah sebanyak 5 timbangan gandum yang mana nilainya adalah 5 dirham kerana tambahan ini adalah tambahan pada hartanya dan harta orang miskin, dan Ibn Abi Hurairah berkata bahawa memadai menurut pendapat ini sebanyak 5 timbangan yang bernilai 5 dirham, kerana pertambahan ini berlaku sesudah dari menjadi wajibnya zakat dan ia termasuk dalam kiraan tahun ke dua, dan menurut pendapat yang ketiga pula bahawa ia boleh memilih antara keduanya...” (al-Nawawi; t.th, 6; 69-70)*

Berdasarkan *tafri`at*/pengembangan isu sepertimana apa yang telah diperincikan oleh al-Nawawi di atas, jelas bahawa di sana ada pertimbangan dari segi perubahan harga, juga ada pertimbangan dari segi sebab kelewatan pembayaran dan perkara ini juga perlu diambil kira dalam mengembangkan konsep pembayaran zakat menggunakan barang dagangan ini.

Begitu juga dalam isu di atas, asas pengiraan boleh merujuk kepada bab *al-Ghasb* (Rampasan) yang mana apa yang boleh disimpulkan dari perbincangan tentang bab *al-Ghasb* ialah, jika penggantian dengan wang bagi situasi barang yang dirosakkan adalah *qimi* (*berdasarkan nilai*) maka jumlah yang perlu dikeluarkan adalah nilai semasa, namun dalam situasi pemulangan dan tiada penggantian kerana barang yang dirampas masih wujud maka tiada penambahan sekalipun berlaku perubahan pada harga barang yang dirampas. Atas asas ini maka dapat diperhatikan bahawa pembayaran dengan barang adalah bersifat tetap tanpa adanya penambahan, namun pembayaran dengan wang adalah bersifat tidak tetap kerana tertakluk kepada perubahan nilai harga barang yang perlu diambil kira waktu pembayaran sepertimana yang telah diterangkan oleh imam al-Nawawi sebelum ini.

Ini sepertimana dalam contoh di atas yang mana jika gandum telah bernilai 400 dirham di akhir *hawl* maka bagi pendapat yang mewajibkan membayar zakat perniagaan menggunakan wang maka yang perlu dikeluarkan ialah 10 dirham, namun jika membayar menggunakan gandum maka jumlahnya adalah sama iaitu sebanyak 5 timbangan gandum tanpa adanya tambahan walaupun nilai gandum telah meningkat sebanyak sekali ganda, walaupun perlu juga mengambil kira juga nilai gandum. Begitu juga situasi bagi harta zakat perniagaan yang telah dirosakkan yang mana jika nilainya di akhir *hawl* ialah 200 dirham kemudian harga semasa meningkat 400 dirham maka menurut pendapat

yang masyhur wajib ia membayar sebanyak 5 dirham kerana ia adalah nilai semasa ia dirosakkan, dan menurut pendapat yang kedua pula ialah 5 timbangan gandum namun yang bernilai 5 dirham, dan menurut pendapat yang ketiga boleh memilih antara keduanya namun nilai gandum perlu juga diambil kira. Berdasarkan teks ini juga dapat difahami bahawa dalam situasi pertambahan nilai dan harta menjadi rosak, nilai gantian barang yang dikeluarkan sebagai zakat mesti sama nilai dengan nilai/harga jika zakat dibayar dengan wang.

#### **Isu Keempat: Penentuan Jenis Barangan.**

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa dalam pelaksanaan pembayaran zakat menggunakan barang dagangan, selain ianya mengambil kira kepentingan pembayar dengan menetapkan beberapa situasi yang membolehkan mereka membayar zakat menggunakan barangan sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kepentingan penerima zakat dan keperluan mereka juga mestilah diutamakan, terutama dari sudut barang apakah yang boleh diterima sebagai bayaran zakat perniagaan yang dapat memenuhi keperluan utama mereka. Ini supaya zakat itu kekal untuk membantu para fakir untuk memenuhi keperluan asasi mereka. Atas dasar ini maka antara *dawabit* jenis-jenis barang yang boleh diguna untuk membayar zakat perniagaan ialah:

1. Barang hendaklah termasuk barang keperluan asasi seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, keperluan berkaitan pendidikan seperti beg, pakaian, kasut dan segala keperluan berkaitan persekolahan, juga komputer bagi keperluan peringkat universiti dan sebagainya. Bagi barang makanan seperti membayar zakat dengan beras bagi syarikat pengilang beras, dalam mazhab Syafie beras adalah zakat ke atas airnya sendiri walaupun ia dijadikan barang dagangan (al-Nawawi; t.th, 6:7, al-Bulqini, 2012; al-Mawardi, 1994) dan antara isu yang mungkin timbul ialah kadar *nisab* yang manakah yang perlu diambil kira sama ada *nisab* beras atau *nisab* harta perniagaan namun dalam soal ini penulis berpendapat bahawa bagi memudahkan urusan maka memadai *nisab* perniagaan dan barangan diambil kira dan tidak perlu menggunakan *nisab ain*/beras. Ini juga sesuai dengan apa yang diterima pakai dalam kaedah pengiraan zakat semasa yang tidak membezakan jenis-jenis barang perniagaan sama ada ia adalah jenis zakat ke atas nilai atau ke atas *ain* (Lembaga Zakat Selangor; 2020, PPZ; 2020).
2. Bahan bacaan juga boleh diterima pakai sebagai bayaran zakat, namun perlu dipastikan bahawa buku yang diberi mestilah buku yang bermanfaat seperti buku pelajaran, bacaan-bacaan umum, dan

sebagainya. Tidak boleh membayar zakat menggunakan buku-buku yang tidak bermanfaat apatah lagi buku yang berunsur maksiat, *lagho* dan membuang masa, tahyul dan sebagainya yang dilarang oleh Syarak.

3. Barang mestilah yang mempunyai manfaat dari sudut Syarak, dan tidak dibenarkan barang yang dilarang oleh Syarak seperti peralatan untuk berjudi, atau alatan muzik yang dilarang, permainan yang melalaikan dan mempunyai unsur maksiat, membuang masa dan sebagainya.
4. Barang mestilah yang boleh dipindah milik dengan pemilikan yang penuh, dan tidak boleh membayar zakat dengan barang yang tidak boleh dimiliki, atau pemilikan yang tidak penuh seperti aset yang dijadikan cagaran, aset yang di sedang disewakan dan sebagainya yang bertentangan dengan sifat qabd dan pemilikan ke atas barang tersebut.
5. Bagi barang yang bersifat manfaat seperti tiket bas, kapal terbang, keretapi dan pengangkutan-pengangkutan lain, walaupun ianya adalah manfaat dan bukan *ain*/barang namun oleh kerana sifatnya adalah seperti barang dan ia telah menjadi keperluan harian yang boleh bertukar tangan maka ianya boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai bayaran, namun perlu mengambil kira juga keperluan asnaf kepada tiket tersebut sama ada ia adalah keperluan sebenar dan sebahagian keperluan asasi atau lebih kepada keseronokan dan berlebih-lebihan sahaja. Ini termasuk juga manfaat seperti tempat tinggal, penggunaan kenderaan, peralatan, upah mengubat, mengajar dan sebagainya yang diperlukan oleh para asnaf. Namun perlu dinyatakan di sini bahawa dalam soal manfaat sebagai bayaran zakat ini, para ulama secara umumnya tidak menerima manfaat sebagai bayaran zakat memandangkan bahawa zakat itu mestilah sesuatu yang boleh dimiliki dan ini juga adalah pendapat yang masyhur dalam mazhab Hanafi memandangkan di sisi mereka manfaat itu sendiri bukanlah sesuatu yang berbentuk harta/*mal*. Namun menurut pendapat yang lain pula dari mazhab Hanafi, ianya dibenarkan. Kata Ibn Nujaym:

*Harta sepertimana yang diterangkan oleh ahli Usul ialah sesuatu yang berbentuk harta yang bernilai dan boleh disimpan untuk keperluan, dan ia hanya khusus untuk yang berbentuk ain sahaja, justeru tidak termasuk memberi manfaat. Namun berkata pula ia dalam kitab al-Kasyf al-Kabir ketika membincangkan tentang kemampuan orang senang: bahawa zakat itu tidak tertunai melainkan dengan memberi ain barang yang bernilai*

*sebinggakan kalaulah seseorang itu memberi tempat tinggal rumahnya kepada fakir selama setahun dengan niat membayar zakat maka ianya tidak memadai, kerana manfaat itu sendiri bukan ain yang dinilai. Dan ini adalah berdasarkan salah satu jalan/wajib dalam mazhab, adapun menurut jalan yang lain pula yang mengatakan bahawa manfaat itu adalah harta maka ia (manfaat) ketika dinyatakan secara umum maka ia merujuk kepada ain juga, dan penyebutan perpindahan hak milik (dalam pembayaran zakat menggunakan ain) hanyalah untuk mengeluarkan dari penggunaan secara ibabah sahaja (dan ia bukanlah syarat untuk sabnya zakat membayar menggunakan ain). Dan kerana itu al-Wahhaliji dan lain-lain menyatakan bahawa kalaulah seseorang itu menjaga anak yatim lalu ia sediakan baginya pakaian dan makanan dan ia niatkan bahawa ia adalah bayaran zakat ke atas hartanya maka bagi pakaian ia adalah sah kerana telah ada rukunnya (zakat) iaitu pemindahan hak milik. Namun bagi makanan pula, jika ia berikan makanan ke tangan anak yatim itu maka ianya juga adalah sah, namun jika tidak memberi kepada tangannya tetapi memberinya maka ia adalah tidak sah kerana tiadanya rukun iaitu al-Tamluk. (Ibn Nujaym; t.th, 2 jilid 217)*

6. Bagi pembayaran zakat menggunakan minyak oleh syarikat-syarikat penjual dan pengedar minyak pula, sebagaimana yang diketahui bahawa minyak adalah antara keperluan terpenting di zaman ini, sehingga ia dijadikan sebagai aset penanda aras dalam penentuan indeks harga pengguna yang merupakan asas kepada pengiraan inflasi maka dicadangkan ia juga boleh dibuat sebagai bayaran zakat, seperti penerimaan *voucher* pengisian minyak oleh para asnaf untuk kenderaan-kenderaan mereka, dan semestinya hanya motosikal dan kereta-kereta yang berkapasiti rendah sahaja yang boleh diberikan *voucher* ini kerana penggunaan kereta mewah secara zahirnya menunjukkan pemilikinya tidak layak menjadi penerima zakat. Namun jika penerimanya juga layak walaupun bukan dari kalangan fakir miskin seperti golongan pendakwah di bawah asnaf *fi sabilillah*, penghutang dan sebagainya maka ia adalah diterima sesuai dengan maksud hadis “*Tidak halal zakat untuk orang kaya, kecuali lima; iaitu yang berperang pada jalan Allah, atau yang menjadi amil zakat, atau yang mempunyai tanggungan hutang, atau yang mempunyai tetangga miskin lalu diberikannya zakat itu kepadanya, lalu orang miskin itu memberikan zakat kepada orang kaya,*” (Abu Daud; t.th, hadis 1635).
7. Barang mestilah barang yang berkualiti pertengahan, dan tidak boleh mengeluarkan barang yang berkualiti rendah, atau barang tiruan yang

mana kualitasnya bukan sekadar rendah tetapi juga boleh memudaratkan penggunaannya.

8. Selain itu juga, bagi syarikat yang mempunyai banyak jenis barang jualan maka perlu juga ia mengeluarkan setiap jenis barang jualannya dan tidak hanya membayar dengan menggunakan sejenis barang sahaja untuk keseluruhan pembayaran zakat perniagaannya.

Apa yang disebutkan di atas juga bersesuaian dengan apa yang telah disebutkan oleh pengarang fiqh Manhaji:

*“Perlu ditekankan di sini bahawa apabila kita kata harus hukumnya mengeluarkan kadar yang wajib zakat menggunakan barang perniagaan sendiri maka wajib seseorang itu mengeluarkan 2.5% dari setiap jenis barangan yang ia miliki, dan tidak memadai ia keluarkan jenis harta yang patut dikeluarkan namun digantikan dengan jenis yang lain, begitu juga wajib ia mengeluarkan kadar yang wajib dari jenis yang kualiti pertengahan, dan tidak memadai bahawa ia keluarkan unta itu sebagai ganti bagi wang dengan unta yang cacat, atau kurus dan sebagainya”.*

Dalam perkara ini juga imam al-Nawawi ada menukulkan 4 pendapat dalam mazhab Syafie dalam soal keharusan pembayaran zakat dengan barangan dagangan sendiri, dan pendapat yang ke empat menyebutkan bahawa jika barang yang ingin dikeluarkan zakat itu adalah gandum atau barli atau barangan yang memberi manfaat kepada para fakir maka boleh dikeluarkan barang tersebut sebagai bayaran zakat, namun jika ia adalah hartanah atau haiwan maka yang perlu dikeluarkan sebagai bayaran zakat adalah wang (al-Nawawi; t.th, 6: 68). Pendapat ini jelas boleh dijadikan panduan dan parameter dalam soal aset yang boleh diterima ini iaitu apa yang perlu dikeluarkan adalah jenis-jenis barang yang memberi manfaat kepada manusia dan dalam masa yang sama ia adalah jenis harta boleh digunakan secara mudah oleh mereka.

### **Isu Kelima: Hak Para Amil Zakat**

Berdasarkan perbincangan dengan pihak berkuasa zakat (LZS; 2020), salah satu cabaran bagi pelaksanaan pembayaran zakat menggunakan barang jualan sendiri ialah dari segi kehilangan sumber pendapatan bagi asnaf amil. Ini kerana jika pembayaran zakat dibuat menggunakan barang maka amil tidak akan dapat lagi bahagiannya, disebabkan barang tersebut akan terus diagihkan kepada asnaf fakir miskin. Ini berbeza jika berdasarkan pembayaran zakat menggunakan tunai yang mana sebahagian dari kutipan zakat akan diagihkan kepada amil yang merupakan

salah satu asnaf zakat. Hak para amil telah termaktub dalam al-Qur`an sebagai salah satu golongan penerima zakat, dan sebarang tindakan yang menyebabkan hak mereka terhalang adalah dilarang (al-Taubah). Walaupun menurut mazhab Syafie, hak amil adalah berdasarkan upah yang sebanding (*Ujrah Mithil*) dan bukan berdasarkan komisen atau peratusan dari hasil kutipan zakat (Mustafa Bugho, Mustafa Dib, Ali Syarbaji; 2003, al-Baghawi; 1999) namun berdasarkan maklumat, apa yang dipraktikkan di sebahagian pihak berkuasa zakat ialah, amil menerima bahagian mereka di atas dasar peratusan atau komisen berdasarkan jumlah kutipan yang dibuat dan ini adalah dibenarkan menurut sebahagian pendapat ulama.

Bagi mengatasi isu amil tidak mendapat bahagiannya jika zakat dibayar menggunakan barang perniagaan ini ialah dengan menetapkan bahawa pembayaran menggunakan barang adalah terhad dalam jumlah tertentu sahaja, seperti kadar 1/3 dari keseluruhan bayaran zakat yang akan dibuat oleh seseorang individu atau sesebuah organisasi itu. Ianya seperti jumlah zakat yang perlu dibayar adalah sebanyak RM300,000 sebagai contoh, yang mana kadar bayaran menggunakan barang yang dibenarkan hanya sekadar 1/3 sahaja iaitu barangan yang bernilai RM100,000, manakala bakinya adalah masih kekal menggunakan wang. Bagi pihak pusat zakat, bahagian yang mereka patut terima 1/8 atau upah yang setimpal akan diambil dari sebahagian jumlah RM200,000 tersebut. Melalui cara ini maka amil tetap akan mendapat bahagiannya walaupun pembayaran dibuat dalam bentuk tunai. Selain itu juga, antara cadangan bagi mengatasi isu ini ialah dengan menetapkan kadar peratusan tertentu dari jangkaan jumlah pembayaran zakat, seperti 10% sebagai contoh untuk diperuntukkan kepada pembayaran zakat menggunakan barang, manakala selebihnya adalah kuota untuk pembayaran secara biasa iaitu menggunakan wang. Ini juga diharap dapat menyelesaikan isu bahagian amil yang mana amil tetap akan dapat peratusan yang sama tanpa perlu memikirkan sama ada bayaran dibuat dengan menggunakan wang atau barang. Bagi pihak pusat pungutan zakat, mereka boleh menetapkan kuota jumlah bayaran zakat menggunakan wang dan barang yang mana melaluinya mereka boleh mengawal kadar barang yang boleh diterima sebagai bayaran zakat dari keseluruhan jumlah zakat yang dibayar.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang bab ini, apa yang boleh disimpulkan ialah tentang pembayaran zakat dengan barang adalah diharuskan dan boleh dipertimbangkan untuk dioperasikan dalam pembayaran zakat. Ini melihat kepada keperluan mendesak yang dihadapi oleh peniaga-peniaga yang perlu membayar zakat. Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran dalam soal pembayaran zakat menggunakan barang memandangkan ianya adalah satu



bayaran alternatif kepada kaedah pembayaran semasa namun ianya bukan penghalang kepada potensi besar yang boleh dikembangkan dari pembayaran zakat menggunakan barang ini. Melalui beberapa perbincangan dan cadangan yang dikemukakan dalam penulisan ini diharap ianya boleh membantu mereka-mereka yang terlibat dalam pembayaran dan pengurusan zakat mencapai potensi yang lebih besar berbanding situasi sedia ada. Ini bukan hanya membantu para peniaga menghadapi situasi kewangan mereka dalam masa yang sama menunaikan tanggungjawab mereka kepada agama, bahkan ianya juga dapat melestarikan lagi pengoperasian zakat seterusnya dapat memperkasakan ekonomi ummah.

### RUJUKAN

- Adibah, A.W., Joni, T.B. (2014). Faktor Penentu Pembayaran Zakat oleh Entiti Perniagaan di Malaysia: *Satu Tinjauan Teori, Jurnal Syariah*, 22 (3): 295-322.
- Atrdul Rahman, N., Hairunnizam, W., Sanep, A. (2015). *Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian Terhadap Institusi Koperasi di Selangor. Jurnal Pengurusan Jawhar*, 9 (1), 111-126.
- Al-Baghdadi, Abdul Wahab bin Ali (1999). *Al-Isbraf ala Nukati Masa'il al-Khilaf*, Dar Ibn Hazam). 2:525.
- Al-Marghinani, Ali bin Abi Bakar (t.th). *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*. Beirut, Dar al-Ahyat al-Turath al-Arabi.
- Al-Mosuli, Ibn Mawdud (1937). *Al-Ikhtiyar Li Ta'lim al-Mukhtar*, ed. Mahmud Abu Daqiqah. Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Bukhari, Muhammad, I. (2002). *Sabih al-Bukhari*, Damsyik: Dar Ibn Kathir, hadith no 1386.
- Al-Bulqini, Siraj al-Din 'Umar, R. (2012). *Al-Tadrib fi Fiqh al-Shafi'i wa Tatimmah al-Tadrib by Salih bin Siraj al-Din al-Bulqini*, e.d Abu Ya'qub Nasya'at bin Kamal al-Misri, Riyad: Dar al-Qiblatain.
- Hairunnizam, W., Sanep A, Radiah A.Kade. (2010). "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia". *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4. (1), 141-162.
- Ibn Abidin, Mohammad Amin, A. (2000). *Rudd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut, Dar al-Makrifah.
- Ibn Qudamah, 'Abd Allah, A. (1996). *Al-Mughni wa Yalibi al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Hadis.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad, T. (2004). *Majmu' Fatawa*. e.d Abdul Rahman bin Muhammad Qasim, Ahmad bin Abdul Rahman. Madinah al-Munawwarah: Muja'mma' Malik Fahad Li Thaba'at al-Mushaf al-Syari.
- Isnawi, Jamal al-Din 'Abd al-Rahim, H. (1999). *Nihayat al-Sul Sharh Minhaj al-Wusul fi al-'Ilmi al-Usul*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Ivan, R. S. (2019). *Strategy for Optimizing Zakat Digitalization in Alleviation Poverty in The Era of Industrial Revolution 4.0*. Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam, 4 (1): 35-52.
- Izlawanie, M. (2016). *Factors that influence business zakat compliance among small and medium entrepreneurs*. Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, (13): 108.
- Kuwait Zakat House, (1988). *Hukm Ihteraj al-Zakat 'Urud al-Tijarah*. Dicapai dari <https://webapps.zakathouse.org.kw/Files//na1/nadwa1.pdf>.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri, Cukai Pendapatan Syarikat. Dicapai dari [http://class1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/BP\\_C2011\\_1.pdf](http://class1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/BP_C2011_1.pdf).
- Lembaga Zakat Selangor (2020, March 20). *Zakat Perniagaan*. Dicapai dari <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-perniagaan/>,
- Luqman, A., Paizah, I., Muhammad Ikhlas, R., Syed Mohd Jeffri, S.J., Ummi Farahin, Y., Mohd Anuar, R., Wan Zulkifli, W.H. (2013). *Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia : Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010*. Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.
- Mahyuddin Ali al-Qaradaghi. (2019, Disember 20). *Zakat Urud Tijarah*, dicapai dari (<http://www.qaradaghi.com/chapterDetails.aspx?ID=1099>
- Mawardi, Abu al-Hasan Ali, M. (1994). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi*, ed. Sheikh 'Ali Muhammad Mu'awwad, Sheikh 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Marhanum Che Mohd Salleh, Siti Alawiah Siraj (2019), *Amalan Perakaunan Zakat di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih*, IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, <https://doi.org/10.58458/ipnj.v09.01.03.0058>
- Mohamad Sabri, H., Riki, R. (2016). *"Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syariah"*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, (10):129-140.
- Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Adib Ismail (2011). *Wang dan Pertumbuhan Ekonomi: Penilaian Semula Peranan Wang Menurut Pandangan Imam al-Ghazali*. Prosiding Perkem VI, Jilid 1.
- Mustafa Khin, Mustafa Bugho, 'Ali Sharbaji. (1992). *Al-Fiqh al-Manbaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. (2006, 21-23 November). *Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat*, dicapai dari ([http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/1\\_Fatwa\\_Pertama.pdf](http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-muamalat/1_Fatwa_Pertama.pdf)).

- Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din Yahya, S. (2000). *Al-Raudhab al-Thalibin wa Umdat al-Muftin*, ed Zahir al-Shawish, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din Yahya, S. (t.th). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadbdhab*, (Jeddah: Maktabah Irshad).
- Pusat Pungutan Zakat. (2020, March 20). *Zakat Perniagaan*. Dicapai dari <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-perniagaan/>).
- Qaradawi. (2001). *Fiqh al-Zakat*, Kaherah: Mu'assasah al-Risalah.
- Rafi'i, Abd al-Karim, M. (1997). *Al-'Azziz Sharh al-Wajiz*, ed. 'Ali bin Muhammad Mu'awwad, Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sharbini, Shams al-Din Muhammad, A. (t.th). *Al-Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, ed. Taha `Abd al-Ra'uf Sa'ad, 'Imad Zaki al-Barudiy, Muhammad Izat, Kaherah: Maktabah Tawfiqiyah.
- Shirazi, Muhammad, I. (t.th). *Al-Luma` fi al-Usul al-Fiqh*, Surabaya: Syarikat Bungkul Indah.
- Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman, K. (1997). *Al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' al-Fiqh al-Shafiyyah*, Riyad: Maktabah al Nazar al-Baz.
- Tan, X. Y. (2019, 11 Oktober). *Lack of financing, tight cash flow among problems faced by SMEs*. Dicapai dari <https://www.theedgemarkets.com/article/lack-financing-tight-cash-flow-among-problems-faced-smes>.
- Thangavelu, P. (2020, 3 Februari). *Why cash management is key to business success*. Dicapai dari <https://www.investopedia.com/articles/investing/041515/why-cash-management-key-business-success.asp>.
- Wan Hassan, W., Kasmu, M. A., Muslim, N., Alias, J., Umar, A., & Abdullah, N. (2016). *Kerelevanan Fatwa Mengenai Pengagihan Zakat Sebagai Suatu Sistem Jaminan Sosial Masyarakat Islam di Terengganu*. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 13 (2): 33-52.
- Wan Zulkifli, W.H. (2014). *Pengaruh Mazhab Shafi'i Dalam Fatwa Zakat di Terengganu*. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 36 (2): 67-79.
- Zahri Hamat, (2010). *Kelestarian Pengagihan Dana Zakat Baitul Mal Aceh*. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Zanjani, Shihab al-Din Mahmud, A. (t.th). *Takbrij al-Furu' ala al-Usul*, ed. Dr Adib Salih. Beirut: Mua'assasah al-Risalah.